

13 MAY 2000

Mahathir-Wanita

SUMBANGAN WANITA DIIKTIRAF, PERMINTAAN LANTIK ANGGOTA KE MT DITIMBANG

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir berkata permintaan Pergerakan Wanita Umno yang inginkan supaya anggotanya dilantik menganggotai kerusi Majlis Tertinggi (MT) parti itu akan ditimbang.

Presiden Umno itu berkata sumbangan wanita terhadap perjuangan parti amat besar dan begitu juga sumbangan mereka terhadap pembangunan negara.

"Parti kita tidak mungkin kuat tanpa wanita dan mereka tidak membuat tuntutan yang banyak. Tidak ramai daripada mereka berada dalam dewan ini, itu pun kerana kita syaratkan ketua wanita bahagian mesti menjadi wakil. Kalau tidak, ia kurang, hanya di barisan depan ini saja."

"Bukanlah mereka minta banyak sangat... sebab itu kita perlu layan mereka," katanya semasa menggulung perbahasan pada perhimpunan agung Umno ke-54 di Dewan Merdeka, di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas permintaan pergerakan itu yang mahu beliau memberi perhatian terhadap ketiadaan wakil wanita menduduki kerusi MT.

Lima calon wanita termasuk dua penyandang yang menawarkan diri merebut jawatan MT tewas pada pemilihan parti kali ini.

Dr Mahathir berkata semasa pilihan raya umum, wanitalah yang berkerja keras merayu undi, menebalkan kulit dan muka pergi berkempen ke rumah-rumah termasuk ke rumah mereka yang menentang Umno, demi parti.

Katanya di dalam mana-mana masyarakat manusia, bilangan antara kaum lelaki dan wanita hampir sama iaitu 50 peratus lelaki dan 50 peratus wanita.

Berdasarkan itu, beliau berkata dengan jumlah orang Melayu dan Bumiputera seramai kira-kira 14 juta orang di negara ini, tujuh juta terdiri daripada lelaki dan tujuh juta adalah wanita.

"Kalau kita asingkan mereka, kekuatan yang sepatutnya 14 juta itu akan menjadi tujuh juta dan kita akan menjadi lemah. Kita hendak wanita bersama-sama kita secara sopan memperjuangkan bangsa kita.

"Mereka boleh menyumbang banyak kepada perjuangan kita bukan sahaja setakat hendak rayu undi tetapi mereka juga mempunyai pengetahuan yang tinggi dan kelulusan," katanya.

Dr Mahathir turut memberi contoh beberapa tokoh wanita yang telah berjaya malah mewakili negara seperti bekas ketua pengarah Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa) Datuk Dr Mazlan Othman yang kini menjadi Pengarah di Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Kajian Angkasa Lepas, di Vienna, Austria.

Beliau turut menyebut beberapa wanita lain yang berjaya dalam pelbagai bidang termasuk kejayaan wanita Melayu pertama menjadi juruterbang pesawat pejuang Tentera Udara Diraja Malaysia.

Presiden Umno itu turut bersyukur kerana bekas ketua pergerakan Wanita itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang kalah kepada Datuk Seri Rafidah Aziz kali ini, menyuarkan hasrat ingin melihat wanita bersatu padu dan terus berjuang untuk Umno.

Suasana dewan agak gamat seketika mencari-cari kelibat Dr Siti Zaharah, tetapi didapati beliau tidak kelihatan di dalam Dewan Merdeka itu menyebabkan Dr Mahathir berkirim salam kepadanya.

"Dulu, bila ada pertukaran kepimpinan kita terima dan kali ini ada pertukaran kepimpinan lagi...kita terima. Walaupun (pada perhimpunan agung ini) ada jugalah yang mengadakan boo kesayangan."

"Itu boo bukan marah, orang Umno punya boo dia sayang," katanya.

Dr Mahathir berkata nasihat telah pun disampaikan oleh beberapa pembahas seperti Datuk Badruddin Amiruldin (wakil Kedah) yang meminta

perwakilan menerima keputusan pemilihan pergerakan itu.

Rafidah semasa persidangan berlangsung telah diejek oleh perwakilan setiap kali namanya disebut, selepas beliau merebut kembali jawatan ketua pergerakan itu pada pemilihan pergerakan itu pada Rabu.

-- BERNAMA

HS LAT